

CINTA ALAM MAYA KEMBALI KEPADA NIAT

DALAM RUMAH CINTA SIBER DALAM KONTEKS ISLAM, PENULIS MENGATUR TEMU JANJI
MENGURUS DI BAWAH PAMPUK AL-RIQAB DI MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAMIS),
HAFAZATU L. AKMAL ABDUL JALIL. PERTEMUAN EMPAT MATA NIAT NIAT MENJELASKAN BAHWA
MAMBERIKHTAR MENCARI PASANG AN MENGGALAKAN TEKNOLOGI YANG ADA. SELAGI MAMITU
IKHLAS SERTA MENJAGAL BAITIS-BATIS SYARIAH.

PENULIS: NORZALINA MOHD ALIAS FOTO: AHMAD SHAHIR & ASRIL ASWANDI



Hafizatul Akmal

ekonomi, politik mahupun urusan kehidupan sehari-hari. Kemajuan teknologi yang serba canggih, mendorong masyarakat kini memilih Internet sebagai medium untuk mencari jodoh. Kadangkala sebagai jalan pintas, di atas alasan ingin mencari pasangan. Maka di sinilah bergantungnya kepada niat seseorang.

Sebagaimana hadis: "Dari Amirul Mukminin Umar Al-Khattab ia katanya, 'Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda' - Sesungguhnya setiap amalan perbuatan adalah dinilai mengikut niat. Setiap orang dinilai dengan niatnya. Sesiapa yang berhijrah kepada Allah dan Rasulnya maka hijrahnya dinilai mengikut niatnya menuju kepada Allah dan Rasulnya. Sesiapa yang berhijrah untuk mendapatkan dunia atau wanita untuk dikahwininya maka hijrahnya dinilai mengikut tujuan hijrah itu." (Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

KES 1

Jika pasangan itu berpujian di antara satu sama lain, tetapi ada bercadang atau merancang untuk berkahwin serta saling menggunakan kemudahan Internet seperti Skype, Twitter, Instagram atau sebagainya untuk berhubung, maka itu adalah proses ke arah perkahwinan. Selagi masing-masing menjaga batas syariat, maka ia dibenarkan di dalam Islam.

KES 2

Sebaliknya jika sekadar bertujuan untuk suka-suka dan ia menjerumuskan diri kita ke arah perkara yang sia-sia, atau jika tidak dikawal membawa perbualan ke arah perkara yang adak perkenalan atau taaruf yang dianjurkan.

TAARUF

Buat pasangan yang bercinta di alam maya dan baru merancang untuk berjumpa, terdapat beberapa adat perkenalan atau taaruf yang dianjurkan.

1. Bertemu di tempat awam
2. Ditemani oleh muhrim (bukan berdu-duaan)
3. Sama-sama menutup aurat
4. Tujuan berbincang untuk mengenali keluarga
5. Berbulu sekadar yang perlu

Dalam kes kedua, perbuatan bersembang di Internet seterusnya boleh membawa kepada sesi dating dan pergaulan bebas. Jika benar-benar tidak dibendung, akhirnya boleh mendorong ke arah perkara yang lebih buruk

seperti penipuan dan zina. Sebagaimana firman Allah SWT, "Dan janganlah kamu mendekati zina, sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan yang keji. (QS Al Israa': 32)

Ditanya tentang isu kegagalan ramai wanita menemui pasangan yang jujur di Internet sehingga menjadi mangsa penipuan, Ustazah Hafizatul segera memberikan jawapan. "Carilah cinta yang direka Allah melalui jalan yang mengikut syariat-Nya. Sebagai hamba Allah, kita hendaklah memandang dan bergantung harap sepenuhnya kepada Allah. Bukan bergantung pada sebab musabab atau usaha daya kita, ikhtiar kita mencari jodoh.

Sekiranya kita pernah terlibat atau terjebak dengan isu ini, segeralah bertaubat dan mohon keampunan-Nya. Setelah itu, iiringi dengan amalan-amalan yang soleh agar taubat itu diterima-Nya," kongsi beliau sambil mengingatkan tentang betapa pentingnya mengetahui keturunan pasangan termasuklah sejarah HIV.

Ustazah Hafizatul turut menyarankan amalan seperti mendirikan solat istikharah atau solat hajat dua rakaat bagi memohon agar dipertemukan jodoh dari kalangan orang-orang yang soleh. ▲



DSP Yeap Yoke Peng

MANGSA PENIPUAN MENINGKAT

Bagi mendapatkan maklumat dan rekod jenayah cinta siber berkaitan penipuan, penulis menjejaki Bahagian Siasatan Jenayah Siber & Multimedia di Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman untuk bertemu DSP Pegawai Penyelaras Kanan, Yeap Yoke Peng. Berlatarkan pemandangan horizon Kuala Lumpur yang menakutkan, kami berbulu panjang tentang realiti sebenar cinta dalam maya itu.

Trend terkini jenayah komersial lazimnya berubah mengikut perubahan sosial, kedudukan ekonomi, perkembangan perdagangan dan kemajuan serta kecanggihan teknologi. Meskipun tahun demi tahun terdapat kategori baru yang direkodkan namun hakikatnya apa yang berubah hanyalah aspek 'modus operandi' dan penggunaan gadget moden.

"Rekod jenayah melibatkan cinta siber atau love scam sering didalangi warga Afrika, terutamanya rakyat Nigeria. Suspek bijak menabur janji-janji manis serta menyasarkan golongan 'tertentu' untuk diperdayakan. Selepas mangsa dijadikan 'kekasih maya', pelbagai tipu helah pun dilakukan bertujuan untuk mendapatkan habuan wang," ujar DSP Yeap.

Tambah beliau lagi, selain love scam kes-kes 'African Scam' atau yang digelar '419 Scam' itu juga merangkumi jenayah parcel scam, black money dan penipuan Internet. "Selepas mengenal pasti kelemahan mangsa, suspek akan 'memikat' mereka dengan pelbagai cara serta tidak berhenti-henti. Demi menyayakan rancangan itu, macam-macam helah digunakan termasuk menghantar hadiah untuk mengambil hati."

DATA UMUR

UMUR	MELAYU		CINA		INDIA		LAIN-LAIN		JUMLAH		
	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	
15 - 20	5	10	2	1	0	0	0	3	7	14	21
21 - 30	6*	141	21	29	11	13	3	9	102	192	294
31 - 40	42	207	16	99	13	26	2	16	73	348	421
41 - 50	60	214	24	71	7	17	4	11	95	313	408
51 >	52	94	22	22	3	4	5	3	82	123	205
	226	666	85	222	34	60	14	42			

(Berdasarkan kes laporan '419 Scam' bagi tahun 2015)

Data umur di atas menunjukkan kebanyakan mangsa yang membuat laporan berumur di lingkungan 31 - 40 tahun dan 41 - 50 tahun, dengan majoriti merupakan golongan perempuan.

KERUGIAN

KATEGORI	KES		KERUGIAN (RM)	
	2014	2015	2014	2015
LOVE SCAM	387	454	18,010,094.50	18,552,727.95
HANTAR BUNGKUSAN	489	972	16,236,851.76	24,849,169.82
WASLAT	20	19	3,010,750.03	2,360,526.00
PELABURAN	27	33	3,746,868.11	3,607,963.12
Jumlah	923	1486	41,004,564.80	49,337,287.39

(Jumlah kes dan kerugian yang dilaporkan sepanjang tahun 2015)

Rekod kerugian yang dicatatkan oleh mangsa penipuan '419 Scam' juga kini meningkat dari tahun ke tahun. Penulis dimaklumkan bahawa tahap kesedaran terhadap kes penipuan melibatkan cinta siber ini masih rendah meskipun semakin ramai yang seek IT.

Laporan kes dan kerugian di atas jelas membuktikan jumlah kenaikan jenayah siber di bawah kategori '419 Scam' yang meningkat pada tahun 2015 berbanding tahun 2014. Peningkatan sebanyak 56.3 laporan kes (2015) dan kes kerugian RM8,732,722.99 (2015) lebih tinggi daripada tahun 2014. Akses lebih maklumat di Facebook, Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Rangkaian media sosial seperti Facebook atau Twitter, ruang sembang seperti Yahoo! Messenger atau Skype dan laman dating seperti www.friendfinder.com, serta banyak lagi saluran internet menjadi pilihan suspek untuk memburu mangsa. Kata DSP Yeap, biasanya mereka juga akan menggunakan profil identiti palsu seperti wajah jejaka kacak atau wanita cantik untuk membuat mangsa tertawan.

"Kami telah mengenal pasti ciri-ciri mangsa yang berpotensi untuk ditipu oleh 'African Scam' iaitu golongan yang sering sibuk kesunyian dan mencari perhatian. Lebih mengejutkan lagi, banyak laporan yang diterima melibatkan mangsa yang berkecayaan terpelatip, celik IT, orang kenamaan, melebihi usia 40 tahun, baru bercerai, janda, malahan warga emas."

KES SEBENAR

Perkenalan mangsa dan suspek bermula di Facebook yang mana suspek menyamar sebagai jejaka kacak. Suspek memberitahu bahawa pernah menetap bersama keluarga

di Malaysia sejak kecil dan kini telah berhijrah ke luar negara. Selepas memperdaya mangsa dengan mengatakan akan pulang ke tanah air untuk mencari pasangan hidup, suspek berjanji akan menghantar bungkusan sebagai tanda persahabatan atau hadiah berupa wang dan sebagainya.

Namun tiba-tiba bungkusan itu tidak dapat diserahkan dan 'tersekat' di jabatan kurier atau kastam kerana tidak dilyharkan. Menyedari dirinya telah ditipu, mangsa cuba membuat semakan dengan pihak Imigresen serta yang berkaitan namun akhirnya mendapati bungkusan itu tidak wujud. Kes penipuan ini membawa mangsa ke balai untuk membuat laporan polis.

"Banyak lagi modus operandi cinta siber yang dikesan. Selain menghantar bungkusan, mangsa juga diupam dengan penipuan berbentuk pelaburan (meminta bantuan kewangan daripada mangsa) dan tuntutan balik harta pusaka. Bagi mengartikasikan undang-undang terhadap cinta siber, pihak polis bukan sahaja menyasarkan individu atau

Computers - Computer Crime

Ps : 60-62

: 63-65

akun jenayah, malanan terhadap pemilik akaun yang memberi pinjam akaun kaun kepada penjenayah cinta siber.

asa menggubal dan meminda undang-undang sedia ada untuk menampung ayah terkini yang berlandaskan teknologi. Pihak polis juga giat meningkatkan antara agensi, jabatan kerajaan (swasta dan luar negara) serta institusi seperti Interpol, Europol, Virtual Global Taskforce (VGT), 24/7 Point of Contact dan Global Complex for Innovation (IGCI) serta banyak lagi bagi menangani per melibatkan dua negara," terang DSP Yeap bersungguhsungguh.

terutamanya golongan wanita berstatus bujang atau janda yang dirundung usnya sadar bahawa kelemahan itu boleh menjadikan mereka sebagai sasaran yah penipuan cinta siber. Tanamkan sikap tidak mudah percaya, jangan tamak, an cermat, berfikir tenang, serta rajin membuat semakan atau pengesahan u keputusan diambil. Berwaspada agar tidak mudah rebah pada sesuatu yang o good to be true.

remuan santai itu, DSP Yeap turut berpesan agar masyarakat kian sadar akan o terhadap percintaan siber. Beliau juga mengingatkan agar masyarakat ini keldai akaun yang memudahkan penjenayah, sekali gus menyumbang kepada enayah penipuan cinta siber. "Kadar jenayah cinta siber akan turun dengan a tiada keldai akaun. Ingat, sifat ketamakan boleh mengheret anda ke pintu kaun anda adalah hak eksklusif anda dan bukannya untuk dipinjamkan sesuka maran beliau.▲



Nur Fatimah Mohd Yusak & Nurazamila Marni

LALUI MATCHMAKER

mencari pasangan melalui ar atau agensi mencari jodoh juga satu lagi ikhtiar yang boleh dicuba. peluang menemui dua wanita di adir 'Beyond Your Eyes' iaitu Nur hhd Yusak dan Nurazamila Marni. nghirup secangkir kopi di restoran 83, Shah Alam, banyak persoalan penulis terungkit dengan baik.

ur Fatimah yang mesra disapa Atie, an individu yang sering mendapatkan matchmaker berusia di antara 32 - (wanita) dan 30 - 45 tahun (lelaki).

bantuan jiwa atau kaunseling kepada individu yang sukar mendapatkan jodoh. "Banyak orang skeptikal terhadap perkhidmatan matchmaker. Padahal ia merupakan ikhtiar yang baik, lebih-lebih lagi sewaktu ramai yang mulai panik ingin mencari pasangan kerana faktor usia," cerita Aza sambil menjelaskan bahawa kebanyakan utusan dengan matchmaker adalah rahsia.

Tambah mereka, golongan wanita sekarang juga mempunyai jangkaan yang tinggi terhadap calon pasangan mereka. Memandangkan semakin ramai yang berpendidikan tinggi dan memiliki kerjaya yang mantap, mereka selalu berharap untuk menemui pasangan yang setaraf. "Ini bukan kerana wang ringgit semata-mata. Ramai wanita yang datang ke 'Beyond Your Eyes' meletakkan kriteria lelaki yang bijak, sukses dan bijak berkomunikasi sebagai calon idaman.

Tanpa menggunakan saluran yang betul, seperti melalui Facebook, niat ikhlas mereka untuk mencari pasangan boleh menjebak ke kancuh penipuan. Seperti sindiket money scam yang didalangi warga Afrika, si penipu bijak bermain dengan perasaan wanita menggunakan taktik memikat dan sweet talk. Di sinilah pentingnya peranan orang tengah seperti matchmaker untuk memastikan kesahihan satu sama lain."

Perkhidmatan matchmaking seperti Atie dan Aza melalui 'Beyond Your Eyes' berfungsi untuk menemukan pasangan berpotensi selepas menilai kesepadanan masing-masing. "Berdasarkan pengalaman, saya akan tapis dahulu kelayakan calon-calon yang ada mengikut kriteria yang diberi. Jika ada yang 80% menepati kriteria, pertemuan mereka akan diatur di sebuah restoran. Pada faga ini, masing-masing akan saling mengerali dahulu kerana saya percaya, walaupun mereka a perfect match namun belum tentu serasi daripada aspek emosi.

Matchmaker juga berdepan cabaran seperti tanggapan negatif orang ramai. Ada juga yang sengaja menghubungi saya untuk mendapatkan 'Sugarbaby' atau isteri kedua. Jadi saya perlu tegas menangani isu-isu sebegini kerana ia melibatkan soal moral dan kredibiliti perkhidmatan yang dijalankan. Selain itu, ramai yang tidak realistik sehingga menyuarakan kami mencari calon yang sesuai... Contohnya ada yang bekerja sebagai *mat despach* tapi mahukan teman yang berkerjaya hebat. Ada juga yang bertubuh gempal tapi mahukan pasangan seperti supermodel. Jujurnya saya akan beritahu, orang lain pun ada expectation mereka juga. "Orang yang dia mahukan belum tentu mahukan dia," akhiri Atie.▲

"Ada yang datang terus ke pejabat kami, tak kurang juga yang memilih untuk berhubung secara maya. Melalui matchmaker yang tulen, sebenarnya niat untuk mencari pasangan itu lebih selamat dan terjamin kerana setiap butiran peribadi anda direkodkan.

Biasanya kami menuntut setiap calon agar mengemukakan salinan dokumen peribadi yang sah seperti kad pengenalan, surat perakuan jawatan dan slip gaji terkini. Setiap dokumen sulit ini merupakan bukti kelayakan calon yang serius mencari pasangan sebelum sesi temu duga menyusul. Ini juga merupakan proses verifikasi standard yang dipraktikkan oleh matchmaker di seluruh dunia, sama ada secara *offline* mahupun *online*."

PORTAL DATING POPULAR

www.eharmony.com
www.malaysiaincupid.com
<http://ejodohijim.wix.com/ijim>

Tambah Atie, mereka yang berhasrat untuk mencari pasangan secara online perlu melalui laman web yang betul serta menjadi ahli yang sah. "Tidak salah melabur sedikit untuk keahlian asalkan calon yang dicari benar-benar wujud dan tidak menggunakan identiti palsu. Berbanding perkenalan rambang melalui media sosial, risiko untuk ditipu jauh lebih besar kerana sesiapa pun bebas menyertainya."

Tidak menyangkal kata-kata Atie, Nurazamila atau Aza yang turut merupakan jurulatih di ehati bertanggungjawab untuk memberikan

TERJERAT JANJI KOSONG & CINTA PALSU

KES PENIPUAN CINTA SIBER BUKANLAH SENARIO BARU DI NEGARA INI. IIKHTIARNYA, ZAMAN DIGITAL MASUKI MENJADIKAN KITA SEBAGAI PENGGUNA AKTIF DI LAMAI SOSIAL. SECARA TIDAK LANGSUNG, MENDEDAHKAN KITA KEPADA JENYAH CINTA SIBER YANG SEMAKIN BERLELUAS LUTANPA MENGENALERTI PERSUDARAN, PERSULIHATAN, USIA, JANTANA DAN KEMESRAAN YANG TERJALIN ERAT.

PENULIS: NUR SYAHIRAH RAMLI FOTO: ASRIL ASWANDI SOLEKAN: BEE @ RAMZAMODE BUSANA: DOKOH, BANGI SENTRAL, BANDAR BARU BANGI



MESKIPUN banyak kes penipuan cinta siber telah didedahkan dalam media tempatan, beserta taktik-taktik penipuan licik dan cara-cara pencegahan, namun masih ada yang berani mengambil risiko. Pun begitu, masih ada di kalangan kita yang tidak pasti cara untuk mengelakkan diri daripada terperangkap dalam penipuan licik jenayah siber ini.

Kebiasaannya, penipuan cinta siber di negara ini sering melibatkan wanita Melayu sebagai mangsa yang mudah ditipu dalam perangkap cinta. Lebih menyedihkan, jenayah cinta siber yang sering dikaitkan dengan 'Awang Hilam' ini sebagai pemangsa kini memular di kalangan lelaki tempatan yang terjebak dalam sindiket ini demi mendapatkan wang dengan cara cepat dan mudah.

Inilah yang berlaku kepada Amira (bukan nama sebenar), salah seorang mangsa cinta siber. Semuanya bermula daripada perkenalan singkat di aplikasi sosial, WeChat. Amira mengukui mengenali Amri (bukan nama sebenar) tidak kurang daripada tiga bulan sebelum menjalin hubungan yang serius dengannya.

Jujurnya lagi perkenalannya dari dalam maya ini membibitkan rasa sayang lantas nombor telefon diminta dengan alasan untuk menguatkan perhubungan tersebut. Mangsa yang mabuk cinta dengan jejekanya itu tunduk kepada kata-kata manis lantas memberikan nombornya tanpa berfikir panjang.

"Sejarah awal perkenalan saya dan Amri bermula sejak September tahun lalu, apabila dia menghantar pesanan ringkas kepada saya menerusi WeChat. Saya masih ingat malam itu saya sedang makan malam bersama rakan baik. Tiba-tiba saya mendapat *friend request* daripada Amri di WeChat untuk menjadi rakan saya di aplikasi sosial itu. Tidak tahu mengapa hati ini rasa berdebar-debar, tetapi dalam masa yang sama teruja pun ada. Maklumlah, sudah masuk dua tahun saya hidup membujang setelah putus hubungan dengan kekasih lama. Ada kalanya, teringin juga hidup berteman. Tanpa berfikir, saya menerima baik salam perkenalan darinya.

Malam itu, kami berbalas mesej dan mengenali diri masing-masing dengan lebih rapat. Sedang rancak kami berbual, tiba-tiba Amri mengajak saya bertemu dengannya pada keesokan hari. Tanpa berfikir panjang, saya bersetuju kerana sikap Amri yang peramah membuatkan saya berasa selesa dengannya. Esoknya saya bertemu dengannya di sebuah restoran. Nyata Amri pandai mengambil hati dan mesra orangnya. Dia juga memiliki pemikiran yang jauh dan berfikir matang. Amri banyak berbicara tentang pemiagaan dan pelaburan kerana mengukui sudah lama menceburi bidang itu.

Dalam masa yang sama, Amri turut memperkenalkan dirinya seorang jurutera petroleum di Dubai. Menurutnya, dia sudah menetap di Dubai untuk sekian lama dan baru sahaja pulang dari sana. Setiap bicarannya memang masuk akal, malah pengalamannya hidupnya itu secara tidak langsung memberi inspirasi kepada diri saya. Sejak hari itu, kami



kerap berjumpa dan banyak meluangkan masa bersama," ujar Amira bersemangat melontarkan bicaranya tentang Amri.

TARIKAN

"Rupa Amri tidak langsung membayangkan karakter seorang penjenayah. Wajahnya yang manis membuat dirinya sedap mata memandang. Saya berpendapat dia seorang lelaki yang berhati mulia dan mempunyai karisma kerana tutur katanya sangat terib dan berbudi bahasa. Malah, penampilannya juga kemas dengan gaya yang sangat santai.

Tidak sampai seminggu berkenalan, Amri mengajak saya untuk menjalin hubungan serius dengannya. Pada mulanya, memang saya enggan menerima sebagai teman istimewa kerana sikap diri yang kurang percaya terhadap lelaki. Tetapi, personaliti Amri serta kata-kata manisnya membuat hati saya cair dan terbuka untuk menerima cintanya.

Saya mula mempercayai Amri untuk menghantar dan mengambil saya pulang daripada kerja. Mulai saat itu, Amri secara perlahan-lahan cuba mengawal hidup saya tanpa saya sedari. Kebanyakan waktu akan kami luangkan bersama termasuklah setiap kali makan tengah hari dan malam serta cuti hujung minggu. Amri juga akan menemani saya sekiranya berjumpa dengan rakan. Saya beranggapan, Amri seorang yang protective dan mengambil berat," jelas Amira yang masih kelihatan tabah saat bercerita dengan penulis.

TERJERAT

Dek kerana terlalu percayakan sang kekasih, ada sesetengah mangsa memberikan nombor akaun bank mereka tanpa perasaan ragu. Setelah itu, sindiket ini akan memulakan taktik mereka dengan memberi pelbagai alasan supaya mangsa percaya dan selanjutnya memasukkan sejumlah wang ke dalam akaun tertentu.

Antara alasan yang sering digunakan adalah menawarkan peluang pelaburan dengan pulangan berlipat ganda dan tidak mempunyai cukup modal untuk menjalankan perniagaan. Sejurus wang dimasukkan, mereka akan terus lesap tanpa meninggalkan kesan sama sekali. Lebih-lebih lagi apabila mereka mulai sedar perbuatan hinanya itu mula dihidu pasangan, lama-kelamaan, Amri bukan sahaja mengawal adual harian dan kehidupan sosialnya, malah turut mengambil alih hal yang melibatkan kewangan. Menurut Amira, segala perbelanjaan dan simpanannya diaturnya oleh Amri.

"Amri mula melatih saya cara untuk menguruskan kewangan daripada gaji yang diterima setiap bulan. Malah, dia juga meyakinkan saya untuk memohon pinjaman peribadi dan kad kredit semaksimum yang mungkin dengan alasan untuk melabur dan menjalankan perniagaan bersama. Segala permintaannya saya turunkan kerana percaya dengan kata-katanya dan berpendapat pelaburan yang dibuat akan mendaratkan pulangan yang lumayan.

Dalam masa yang sama, Amri juga cuba sedaya-upaya meyakinkan keluarga saya tentang skim pelaburannya itu. Cara percakapan dan penerangannya sangat meyakinkan dan profesional seolah-olah dirinya sudah dilengkapkan dengan pengetahuan ekonomi dan komunikasi. Atas desakan Amri yang licik itu, akhirnya kakak saya turut melaburkan duit sementara ayah pula hampir percaya dengan kata-katanya," beritahu Amira.

Modus operandi Amri terus berjalan lancar. Tiga bulan dia mengenali Amira, akhirnya dia berjumpa dengan keluarga Amira untuk menjalin hubungan dengan lebih erat. Malah, dia juga membawa Amira bertemu dengan pakaik dan makiknya di Pulau Pinang kerana memberitahu kedua ibu bapanya sudah meninggal dunia. Akui Amira, pertemuan dia dan Amri dengan keluarga kedua pihak sebenarnya ada maksud tersirat. Amira dan Amri sebenarnya, sudah pun memiliki perancangan untuk berumah tangga yang sepatutnya dijangka berlangsung Februari ini.

TERBONGKAR

Kuasa Tuhan itu sangatlah besar. Sepandai-pandai tupai melompat, akhirnya jatuh ke tanah jua. Niat jahat Amri semakin dihidu oleh abang ipar Amira. Amri yang menjanjikan pulangan hasil pelaburan kakak Amira dalam masa seminggu gagal melunaskan janjinya. Bagaimanapun, Amri mengelirakan cek palsu untuk menyembunyikan perbuatan jahatnya itu. Apabila menghubungi pihak bank, nyata jumlah wang yang dijanjikan tidak dimasukkan ke dalam akaun dan pihak bank mengesahkan cek tersebut adalah palsu.

"Saya mendapati nama pemberi yang tertera pada cek tersebut berbeza dengan nama Amri. Saya segera meng-Google nama tersebut dan terjumpa kisahny sebelum ini yang turut menipu orang lain dengan skim pelaburan. Malah saya juga menjumpai sebuah blog yang berkait rapat dengan Amri. Saya menghubungi orang itu di laman sosial Facebook untuk mendapat kepastian lelaki yang diraksadkan dalam blog tersebut adalah Amri yang saya kenal.

Nyata, lelaki tersebut adalah Amri dan dia sebenarnya sudah berkahwin dan memiliki empat orang anak. Amri sertamerita mendiamkan diri selepas saya beranyakan tentang itu. Saya cuba menghubunginya tetapi panggilan saya tidak berjawab. SMS saya juga tidak dibalas. Tidak lama selepas itu, saya mendapati dia tidak lagi menggunakan no telefonnya itu," ujarnya yang sebak taklala berbicara perkara sebenar yang telah berlaku.

Kerana tidak dapat menahan derita yang ditanggung, Amira terpaksa menghubungi keluarganya untuk memberitahu perkara yang sebenar. Bimbang dengan keselamatan dan kesihatan Amira, keluarganya menasihati dirinya untuk membuat laporan polis. Sehingga kini, kes Amira masih dalam siasatan polis.

Amira mengakui dirinya telah berhenti kerja dan menetap bersama dengan keluarganya di kampung buat sementara waktu. Tambahnya, segala impian untuk membina mahligai bersama teman lelaki itu hanya sebuah mimpi. Lebih mendukacitakan, dia bukar sahaja berdepan dengan kekacauan, tetapi telah berhabis wang yang banyak demi Amri dan kini dia terpaksa menanggung beban hutang tersebut. Inilah kisah kehidupan yang telah tercorot dalam diari hidup Amira dan berharap ia tidak akan terjadi kepada wanita lain.

Pesan Amira lagi sebelum mengakhiri perbuatan bersama penulis, dia menasihati pengguna internet supaya berwaspada dan mengambil ikibar dengan qaa yang berlaku agar mereka tidak menjadi mangsa. Saranannya, jangan mudah memberikan nombor telefon apalagi nombor akaun bank kepada sesiapa yang tidak dikenali. Sikap mudah mempercayai orang baru yang dikenali juga perlu dikiris oleh rakyat di negara ini supaya tidak menjadi mangsa sindiket jerat cinta individu yang tidak bertanggungjawab ini. ▲